



**UCAPAN PRESIDEN MSIA SEMPENA MESYUARAT AGONG KE-20
bertarikh 31 Mei 2025 (Sabtu)**

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera. Yg Berbahagia Datuk TPr Dr Alias bin Rameli, Ketua Pengarah PLANMalaysia dan dif-dif jemputan, Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Profesor-Profesor, Dr-Dr, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian serta para ahli Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia (MSIA) yang saya kasihi.

Kata alu-aluan
dan ucapan
terima kasih
kerana
menghadiri
AGM

Dengan penuh rasa syukur, saya mengalu-alukan kehadiran semua ke Mesyuarat Agung Tahunan MSIA kali ke-20 yang diadakan secara hybrid pada hari ini. Mesyuarat kali ini juga menandakan berakhirnya penggal perkhidmatan Jawatankuasa Eksekutif MSIA sesi 2023–2025. Pemilihan kepimpinan baharu bagi sesi 2025–2027 akan kita jalankan bersama hari ini — satu proses demokrasi yang mencerminkan keterbukaan dan kematangan organisasi kita.

Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, sama ada secara fizikal mahupun secara maya, mencerminkan kesungguhan kita bersama dalam memartabatkan peranan MSIA sebagai peneraju Penilaian Impak Sosial di negara ini. Setulusnya, saya merakamkan penghargaan kepada semua ahli yang telah menyumbang tenaga, pemikiran dan komitmen dalam memperkukuh perjalanan pertubuhan ini sepanjang dua tahun kebelakangan.

Terima kasih
kepada ahli
atas komitmen
dan
perkembangan
MSIA dan SIA di
Malaysia

Dengan penuh rasa rendah hati, saya juga mengucapkan terima kasih atas kepercayaan yang telah diberikan kepada saya untuk memimpin MSIA selama tiga penggal. Dalam tempoh ini, kita telah menyaksikan perkembangan yang boleh kita banggakan. Pertubuhan ini telah semakin dikenali, dihormati, dan terus memainkan peranan penting dalam mengarusperdanakan SIA dalam dasar awam dan amalan pembangunan di pelbagai peringkat.

Selaras dengan sambutan MSIA 20 Tahun; 2005-2025, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua yang telah meninggalkan belang dan jejak-jejak bakti kepada perkembangan SIA di negara ini. Bersama-sama PLANMalaysia, MSIA telah 2 dekad meneraju, memperjuangkan dan mengangkat pertanggungjawaban SIA untuk projek pembangunan. 20 tahun MSIA telah *spearhead* dan menjadi *champion* kepada kepentingan SIA di Malaysia.

Jejak bakti dan
cabaran ke
arah masa
depan

Dimulakan dengan langkah-langkah awal berani oleh mantan-mantan pengarah dan pegawai Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, termasuklah daripada awal penubuhan seperti En Kamalruddin bin Shamsuddin, Datin Paduka TPr Dr. Dahlia Binti Rosly, Dato' TPr Dr. Dolbani Bin Mijan, TPr Jasmiah binti Ismail dan lain-lain yang ramai tidak dapat disebutkan disini, sehinggalah

kini setelah kepimpinan PLANMalaysia di terajui oleh Datuk KP Dr Alias bin Rameli, MSIA telah sama-sama mengatur langkah sederhana seiring dengan jabatan di dalam usaha meningkatkan *social safeguarding* di negara ini.

Kini, kita bersedia melangkah ke fasa seterusnya dengan semangat yang lebih segar dan wawasan yang lebih luas. Dunia pembangunan kini berubah pantas — dengan cabaran baharu, keperluan komuniti yang semakin kompleks, serta keperluan menyeimbangkan kemajuan fizikal dengan kesejahteraan sosial dan kelestarian nilai kemanusiaan.

Sebagai sebuah pertubuhan yang menjadi suara kepada para pengamal Penilaian Impak Sosial, kita perlu terus ke hadapan — membina kapasiti, meningkatkan *visibility*, memperluas jaringan strategik, dan memastikan bahawa prinsip-prinsip keadilan sosial, inklusiviti dan keterlibatan awam terus menjadi teras kepada setiap projek pembangunan. Kita akan terus melangkah ke hadapan sebagai untuk memastikan SIA diarusperdanakan mencapai pembentukan komuniti madani, inklusif dan bahagia.

Menjaga kesejahteraan komuniti — akan terus menjadi misi dan tunjang segala gerak kerja MSIA. Kita percaya bahawa Penilaian Impak Sosial (SIA) hanya akan benar-benar memberi impak apabila ia difahami, diterima, dan diamalkan secara meluas, merentas sektor dan lapisan Masyarakat, juga dalam semua peringkat perancangan dan pembangunan tanah, pembinaan, operasi dan pengabaian. Pengukuhan SIA dalam pembuatan program dan dasar juga perlu terus diperkukuhkan bukan hanya pada pada terakhir iaitu pembangunan projek.

Tujuan dan misi MSIA

Y.Bhg Pn Sri, Datuk-datuk, datin-datin, profesor-profesor, Dr-dr, tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagai badan peneraju dalam bidang ini, MSIA berbangga kerana dari sejumlah 264 ahli, kini memiliki **42** orang ahli profesional dan **71** orang (**67%**) yang telah berdaftar dari **sejumlah 106** secara rasmi sebagai perunding dan penilai SIA dengan PLANMalaysia. Ini adalah satu pencapaian yang membuktikan kesungguhan kita dalam memperkukuh keupayaan sumber manusia tempatan yang berkompeten dan berintegriti di MSIA tepat dengan keperluan dan perkembangan terkini.

Pencapaian akreditasi ahli MSIA
Sasaran kualiti perkhidmatan ahli MSIA

Seperti yang kita telah rancangkan sepanjang 2023-2025 kita telah berusaha melaksanakan sasaran projek dan program kearah pencapaian matlamat dan objektif yang dirangka di bawah MSIA Vision Framework 2030.

Pencapaian 2023-2025 menurut matlamat dan objektif MSIA

Objektif **Memperkasa Keupayaan** merupakan objektif dan agenda utama MSIA. Jumlah Kursus-kursus SIA telah terus bertambah, malah permohonan mengadakan kursus-kursus seumpama terus bertambah malah dari GLC utama seperti PETRONAS, dari agensi malah dari pihak bank kewangan juga.

Kita bukan hanya membangunkan kecekapan ahli MSIA dalam melaksanakan SIA, malah pihak komuniti professional dan komuniti *business* di luar sana, termasuk dari Wilayah Sabah dan Sarawak.

Di dalam objektif **Memajukan Sains dan Amalan SIA**, melalui usaha-usaha MoU dengan pelbagai pihak termasuk dengan IPT Awam, kita telah mula membangunkan alat, teknologi metodologi dan pendekatan saintifik yang inovatif bagi meningkatkan ketepatan dan keberkesanan Penilaian Impak Sosial seperti Projek SIRA yang akan kita bentangkan nanti.

Di bawah objektif **Memperkuh Perlindungan Sosial**, MSIA telah secara proaktif menyokong kerajaan dan institusi dalam merangka serta melaksanakan sistem perlindungan sosial yang kukuh bagi memastikan pembangunan menghormati hak asasi, budaya dan kesejahteraan komuniti termasuklah seperti penyertaan di dalam perundingan RUU Pembaharuan semula bandar.

Dan terakhir siri MSIA Talk bulanan dan seminar serta perkongsian ilmu dari rakan-rakan strategik dari dalam dan luar negara terus dipergiatkan untuk memperluas pemahaman awam mengenai kepentingan SIA sebagai alat penting dalam pembangunan yang mampan dan inklusif, merentasi semua lapisan masyarakat. Laporan Tahunan yang akan dibentangkan nanti akan memperincikan projek dan program yang telah kita jayakan.

Sekalung penghargaan kepada barisan Exco MSIA 2023/2025 termasuk kerana telah sama-sama berganding usaha, idea dan komitmen di dalam semua aktiviti-aktiviti MSIA sepanjang tempoh 2 tahun yang lalu termasuklah mereka yang terlibat sebagai panel penilai laporan SIA, juga penghargaan khusus kepada ahli-ahli bukan exco yang telah turut serta dalam Jawatankuasa-jawatankuasa MSIA atau menghadiri mesyuarat, perbincangan dan lain-lain aktiviti berkaitan termasuk aktiviti CSR yang kita telah jayakan.

Projek,
program dan
sumbangan
serta
komitmen
EXCO dan ahli-
ahli

Dengan kesempatan yang ada ini, saya juga ingin sekali menzahirkan penghargaan setinggi-tingginya kepada PLANMalaysia Ibu Pejabat dan PLANMalaysia negeri-negeri kerana telah mengiktiraf peranan MSIA dalam pembangunan SIA di Malaysia. MSIA perlu meneruskan kerjasama erat berterusan dengan PLANMalaysia, serta jabatan dan agensi kerajaan di semua peringkat, termasuk juga GLC dan agensi /jabatan di Wilayah Sabah dan Sarawak.

Hubungan
MSIA dengan
PLANMalaysia,
IPT, agensi,
Bank Dunia,
IAIA dan GLC

Selain MoU sedia ada dengan UniSZA, saya juga mengalu-alukan MoU baharu antara MSIA dengan UPM dan UKM untuk terus menyusun langkah-langkah strategik bersama untuk kepentingan SIA dan komuniti. Keahlian MSIA dengan Badan Ikhtisas Malaysia serta kerjasama MSIA dengan Bank Dunia dan International Impact Assessment Association IAIA diharap akan terus menjadi pemangkin kemajuan MSIA di masa hadapan.

Y.Bhg Pn Sri, Datuk-datuk, datin-datin, profesor-profesor, Dr-dr, tuan-tuan dan puan-puan,

Sepertimana maklum, selepas ucapan ini, kami akan membentangkan Laporan Tahunan MSIA 2023/2025 dan di akhir pembentangan itu, ahli jawatankuasa eksekutif semasa akan dibubarkan.

Dengan pembubaran ini, saya ingin meminta maaf kepada semua ahli bagi pihak diri saya dan ahli-ahli Exco, jika sepanjang 2 tahun ini kami ada melakukan kesilapan atau secara tidak sengaja telah membelakangkan kepentingan-kepentingan ahli semasa pembuatan keputusan. Kami berbangga kerana telah diberi peluang untuk berkhidmat kepada ahli-ahli semua.

Harapan
kepada Exco
Baharu
Menyambung
Tugas

Dengan perlantikan ahli jawatankuasa eksekutif yang baharu, kami berharap apa yang telah kami mulakan dapat diteruskan sehingga jaya selaras dengan aspirasi Pertubuhan. Kerjasama dan komitmen Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan akan dibalas dengan kejayaan profesion ini pada masa hadapan. Insha Allah.

Dengan izin Allah Azawajalla, pencipta seluruh alam, saya mengakhiri ucapan aluan saya untuk Mesyuarat Agung kali ke-20, Pertubuhan Penilaian Impak Sosial Malaysia pada hari ini dan saya mengucapkan selamat maju jaya di dalam proses pemilihan jawatankuasa eksekutif MSIA yang baharu. Semoga Allah bersama kita semua.

Akhir ucapan

Assalamualaikum wbt. Sekian, terima kasih.

**TPr Herlina bt Ab. Aziz Presiden MSIA
2023/2025**